

Oleh MOHD AZLIM
 ZAINURY
 SHAH ALAM

LZS lancar kempen Kongsi Rezeki Dengan Zakat

Kempen Kongsi Rezeki Dengan Zakat di-lancarkan bermula Isnin hingga 31 Disember sebagai galakan dan seruan kepada umat Islam terutama di Selangor menyegerakan kewajipan zakat sebelum akhir tahun ini.

Kempen bertemakan 'Sedikit Bagi Anda, Segalanya Buat Mereka' bertujuan mengajak masyarakat bersama-sama Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantu asnaf memerlukan.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata, pihaknya berjaya membantu lebih 68,000 keluarga asnaf fakir, miskin dan individu muaf di Selangor.

"Sehingga Oktober lalu, seramai 321,000 pengeluar zakat di Selangor dalam kalangan pembayar individu serta syarikat korporat menunaikan zakat dengan kutipan keseluruhan berjumlah RM735,174,955, membole-

kan kami membuat agihan sebanyak RM809,496,375.

"Dengan jumlah asnaf kini melebihi 68,000 ketua keluarga dan dijangka bertambah, zakat diperlukan supaya dapat terus membantu golongan memerlukan," katanya ketika majlis pelancaran kempen Kongsi Rezeki Dengan Zakat di Ibu Pejabat LZS di Seksyen 13, di sini, pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohd Sabirin turut mengajak masyarakat menyertai kempen inisiatif galakan kepada pengeluar zakat dengan menawarkan pelbagai hadiah menarik bernilai lebih RM60,000.

"Kempen inisiatif ini termasuklah kempen 'Zakat Online On X On' khusus kepada pengeluar zakat membuat bayaran zakat menerusi EZakatPay di fpx.zakatselangor.com.my.

"Kempen Auto Kan Senang terbuka kepada individu, pe- niaga dan syarikat yang mula



Mohd Sabirin (kiri) melancarkan kempen Kongsi Rezeki Dengan Zakat di Ibu Pejabat LZS di Seksyen 13, Shah Alam.

mendaftar pembayaran zakat secara bulanan menerusi platform *Direct Debit* dan Kempen Auto Debit khusus kepada pen- deposit dan pelabur di Maybank Islamic Bhd," katanya.

Mohd Sabirin menambah, Kempen Kongsi Rezeki Video Challenge pula terbuka kepada

semua lapisan masyarakat untuk berkongsi kreativiti membuat video pendek.

"Manakala Kempen Early Bird pula berlangsung di 18 cawangan LZS bermula pada 1 hingga 7 Disember khusus kepada 10 pengeluar zakat terawal mengunjungi cawangan LZS se-

tiap hari dan akan menerima cenderahati eksklusif LZS," katanya.

Maklumat lanjut berkenaan kempen Kongsi Rezeki Dengan Zakat boleh diperolehi dengan melayari jom.zakat-selangor.com.my atau melalui media sosial rasmi LZS.